<u>**NOTIS SEBUT HARGA**</u>

**PEJABAT DAERAH PORT DICKSON**

**( BAHAGIAN PEMBANGUNAN )**

1. Kontraktor-kontraktor **G1** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor** adalah dipelawa untuk memasuki sebut harga berikut:

<table>
<tr><th>NO SEBUT HARGA</th><th>TAJUK KERJA</th><th>GRED / KATEGORI / PENGKUSUSAN</th><th>TARIKH TAKLIMAT SEBUT HARGA</th><th>TARIKH TUTUP SEBUT HARGA</th></tr>
<tr><td>08/2022</td><td>Kerja-Kerja Membaik Pulih Balai Raya Tuan Sheikh, Kg Arab Port Dickson Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Daerah Port Dickson</td><td>Gred : G1<br>Kategori : B & CE<br>Kod Bidang :<br>B04 & CE21</td><td rowspan="4">24.06.2022<br>(Jumaat)<br><br>9.00 pagi<br><br>Auditorium, Pejabat Daerah Port Dickson</td><td rowspan="4">01.07.2022<br>(Jumaat)<br><br>12.00 tghari<br><br>Tingkat 1, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson</td></tr>
<tr><td>58/2022</td><td>Kerja-Kerja Memotong Rumput & Membersih Longkang Di Jalan Kampung Sungai Sendayan, Daerah Port Dickson Serta Lain Kerja Berkaitan</td><td>Gred : G1<br>Kategori : CE<br>Kod Bidang :<br>CE21</td></tr>
<tr><td>66/2022</td><td>Kerja-Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Balairaya Kampung Orang Asli Bukit Kepong, Pasir Panjang, Port Dickson</td><td rowspan="2">Gred : G1<br>Kategori : B & CE<br>Kod Bidang :<br>B04 & CE21</td></tr>
<tr><td>67/2022</td><td>Kerja-Kerja Menaiktaraf Balairaya Taman Mawar Pd Utama Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan</td></tr>
</table>

2. Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga hendaklah berkumpul di **Auditorium, Pejabat Daerah Port Dickson** pada tarikh **24.06.2022 jam 9.00 pagi** untuk mendengar taklimat berkaitan kerja-kerja yang ditawarkan. Wakil adalah **tidak dibenarkan**. Sila bawa bersama Sijil Pengesahan Pendaftaran sebagai Kontraktor daripada **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)-Taraf Bumiputera**, **CIDB (Perakuan Pendaftaran)**, **CIDB - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)**, **Kad Pengenalan** dan **Cop Syarikat.** Hanya kontraktor yang mempunyai kod bidang seperti dalam jadual sahaja dibenarkan masuk untuk mendengar taklimat.

3. Dokumen sebut harga yang berharga **RM50.00** senaskah boleh didapati dari tarikh **24.06.2022 (Jumaat)** sehingga **01.07.2022 (Jumaat)** di Tingkat 1, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson yang beroperasi pada ketetapan seperti berikut :

<table>
<tr><th>TARIKH</th><th>HARI</th><th>MASA</th></tr>
<tr><td rowspan="2">24 JUN – 1 JULAI 2022</td><td>Isnin - Khamis</td><td>9.00 pagi – 12.00 tengahari<br>2.30 petang – 4.00 petang</td></tr>
<tr><td>Jumaat</td><td>9.00 pagi – 11.00 pagi<br>3.00 petang – 4.00 petang</td></tr>
<tr><td colspan="3">WAKTU KAUNTER JUALAN SEBUT HARGA DITUTUP PADA :<br>Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am Negeri Sembilan</td></tr>
</table>

4. Kontraktor-kontraktor juga dikehendaki berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** dan sijil pendaftaran yang berkuatkuasa sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran sebut harga.**

5. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Tingkat 1, Unit Pembangunan PTPD sebelum jam **12.00 tengahari pada 01.07.2022 (Jumaat).**

6. Kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil tindakan dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakkan sosial oleh KKM dan MKN untuk proses pengambilan dan penyerahan dokumen sebut harga secara manual ke Pentadbiran ini.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau mana-mana sebut harga.

8. Kerajaan Negeri berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak kontraktor kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sendiri.

9. Kerajaan Negeri berhak untuk **membatalkan** tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

..........................................

**( KHAIRY BIN MAAMOR )**
PEGAWAI DAERAH
PORT DICKSON

**TARIKH : 17 JUN 2022**